



---

# JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

---

SELASA, 28 MAC 2017 | EDISI 2



E-NEWSLETTER

## PERMOHONAN LESEN PEKERJA ASING (LPA) TAMBAHAN

Permohonan LPA Tambahan telah pun bermula pada 1 Januari 2017.

Permohonan ini adalah bagi syarikat yang ingin menambah atau mendatangkan pekerja baru ke dalam syarikat.

Pemohon yang berhasrat untuk memohon tambahan pekerja hendaklah mengisikan borang Tambahan LPA:

1) **LD2:** bagi syarikat yang **SUDAH** menggunakan LPA;

2) **LD4:** bagi syarikat yang **BELUM** menggunakan LPA

## PERMOHONAN LESEN PEKERJA ASING (LPA) MEMBAHARUI

Bagi permohonan LPA Membaharui, proses ini akan bermula pada 1 April 2017.

Permohonan ini adalah bagi syarikat yang ingin membaharui lesen pengambilan pekerja asing.

Pemohon yang berhasrat untuk membaharui lesen pengambilan pekerja asing hendaklah mengisikan borang Membaharui LPA:

1) **LD3:** bagi syarikat yang **SUDAH** menggunakan LPA

2) **LD5:** bagi syarikat **BELUM** menggunakan LPA



Untuk makluman lanjut mengenai permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA), sila layari laman sesawang Jabatan Buruh di [www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn) atau ikuti perkembangan terkini melalui akaun Instagram [labour.brunei](#).

Sebarang pertanyaan mengenai LPA juga boleh di e-mail terus ke alamat [ipa@buruh.gov.bn](mailto:ipa@buruh.gov.bn).

## HARGA PERKHIDMATAN AGENSI PEKERJAAN

Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menguatkuasakan bagi semua agensi-agensi pekerjaan yang berlesen dan berdaftar di Jabatan Buruh untuk mempamerkan setiap harga perkhidmatan yang ditawarkan bagi mendatangkan pekerja asing di negara ini kepada orang ramai. Harga perkhidmatan tersebut telah mula dipamerkan bermula **08hb Mac 2017**. Adapun objektif penguatkuasaan ini dibuat adalah bagi memberikan kefahaman yang jelas kepada orang ramai terhadap setiap kos perkhidmatan yang dikenakan bagi mendatangkan pekerja asing di Negara ini, disamping memberi kemudahan dan keselesaan orang ramai dan para majikan memilih agensi pekerjaan yang hendak digunakan perkhidmatannya. Ianya juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dan kompetatif di antara agensi-agensi pekerjaan. Bagi mendapatkan harga perkhidmatan agensi pekerjaan tersebut, orang ramai dan para majikan bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Buruh, [www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn) dan bolehlah memuat turun harga perkhidmatan agensi berkenaan.

### Employment Agency Price List

as of 7 March 2017

#### Category A

*Manage/ recruit foreign workers specifically for domestic workers only*



AMI-YANI EMPLOYMENT AGENCY



NURSYAZMI EMPLOYMENT AGENCY



NORAMIESHA EMPLOYMENT AGENCY


# TATACARA PENDAFTARAN & PENGIKLANAN

## JAWATAN DI JOB CENTRE BRUNEI

### JobCentre Brunei Langkah-Langkah untuk Majikan



Masuk ke laman sesawang  
[www.jobcentrebrunei.gov.bn](http://www.jobcentrebrunei.gov.bn)



Mendaftar sebagai syarikat  
dengan menggunakan nombor  
ROCBN sebagai log in ID  
(masuk) dan Password (Kata  
laluan) yang akan dihantar  
melalui email



Membina profil Syarikat dan  
mengiklankan jawatan  
kosong



Klik "Job Matching" dan mencari  
calon-calon yang sesuai mengikut  
keperluan atau secara manual  
mencari calon.



Menerima notifikasi  
(notification) bagi pemohon  
jawatan kosong (vacancy  
applications).



Meneliti profil (view profile)  
dan disenarai pendek calon  
(shortlist candidates)

Diperlukan untuk  
mendaftar:

- E-mel Syarikat
- Salinan sijil lesen  
perniagaan 16/17  
atau Form X



Mengemaskini status  
kekosongan jawatan  
(ditemuduga, diambil  
bekerja atau ditolak)



Menguruskan  
temuduga melalui  
laman sesawang dan  
calon akan menerima  
SMS.